

**NO. SOALAN: 46**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9411**

**SOALAN :**

**Tuan Ignatius Dorell Leiking [ Penampang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan secara terperinci identiti-identiti kumpulan ‘Sulu Komander’ yang berada di setiap Kawasan Dewangan Undangan Negeri Sabah dan jika mereka ini yang membawa ancaman kepada Sabah sudah ditangkap.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan memandang serius tindakan mana-mana individu yang cuba untuk menggugat keselamatan negara terutamanya apabila ia dilakukan oleh rakyat tempatan dengan penglibatan orang luar.**

**Kerajaan melalui pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang meneruskan berusaha untuk mengenal pasti individu-individu tertentu di Sabah yang telah dilantik oleh kepimpinan Kesultanan Sulu bagi meneruskan agenda mereka untuk menuntut Sabah daripada Malaysia. Bagi tahun 2016 iaitu sehingga 7 Oktober 2016, pihak polis telah menahan seramai 22 orang yang terdiri daripada 10 orang warganegara Malaysia dan 12 orang warganegara Filipina. Daripada jumlah tersebut, 3 orang adalah bertaraf Panglima manakala selebihnya pengikut biasa.**

**Peranan melindungi keselamatan negara yang dimainkan oleh pihak polis sahaja tidak mampu untuk memastikan keselamatan Negara berada di dalam keadaan selamat di segenap penjuru. Sehubungan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat serta segenap lapisan masyarakat agar dapat bersama-sama kerajaan memerangi kumpulan pengganas ini. Peranan masyarakat untuk menyalurkan maklumat kepada pihak polis amat diharapkan agar elemen kumpulan pengganas dapat dibendung seterusnya dibanteras oleh kerajaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY  
[BACHOK]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 47**

**TUAN AHMAD MARZUKI BIN SHAARY [BACHOK] minta YB MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan 20 penambahbaikan baru yang telah dibuat bagi memastikan pengangkutan dalam Negara menjadi lebih selamat dan efisien.**

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pengangkutan sentiasa menekankan aspek-aspek keselamatan dan kecekapan dalam penambahbaikan polisi-polisi dan pengoperasian yang melibatkan pelbagai mod sistem pengangkutan Negara sama ada sektor Maritim, Udara mahupun Darat.

Antara inisiatif penambahbaikan baru yang telah dibuat dan / atau dalam tindakan Kementerian ini serta beberapa Agensi berkaitan dalam meningkatkan aspek **keselamatan** di dalam sektor pengangkutan Maritim, Darat dan Udara adalah seperti berikut:

i) Sektor Pengangkutan Maritim

- a) penyediaan Perkhidmatan Trafik Vesel (Sistem VTS) bertujuan meningkatkan keselamatan dan kecekapan pelayaran; dan
- b) pelaksanaan *Table Top Exercise* (TTX) bagi pengurusan bencana di perairan Malaysia.

ii) Sektor Pengangkutan Darat

- a) menggubal Pelan Keselamatan Jalan Raya 2014 – 2020;
- b) melaksanakan *Automated Enforcement System* (AES) sebagai satu elemen penguatkuasaan keselamatan jalan raya;
- c) menguatkuasakan Sistem Mata Demerit bertujuan meningkatkan pematuhan pengguna terhadap peraturan lalu lintas;

- d) memperkasakan peraturan pemasangan *rear drawer* iaitu papan boleh laras yang menutup muatan yang menganjur keluar melebihi belakang badan kenderaan;
- e) arahan pemeriksaan PUSPAKOM ke atas aktiviti modifikasi kenderaan selepas pendaftaran bagi menentukan tahap *roadworthiness*;
- f) arahan pemasangan pelekat *reflector* bagi meningkatkan visibiliti kenderaan perdagangan;
- g) menguatkuasakan peraturan *United Nations (UN)* dan *Malaysian Standard (MS)* semasa memproses Kelulusan Jenis Kenderaan ataupun *Vehicle Type Approval (VTA)* untuk kenderaan baru;
- h) melaksanakan prosedur *Conformity of Production (COP)* bagi memastikan komponen kenderaan yang diluluskan melalui proses VTA dipatuhi untuk digunakan sepenuhnya semasa pemasangan kenderaan di kilang;
- i) melaksanakan prosedur *Product Recall* bagi memastikan pemilik kenderaan yang terlibat dengan masalah teknikal kenderaan dipanggil balik;
- j) mewartakan peraturan UN di bawah Kaedah Pengangkutan Jalan dan dikuatkuasakan melalui prosedur Kelulusan Jenis Kenderaan (VTA) oleh pihak JPJ;
- k) memperkenalkan Persijilan Peraturan UN bagi menggalakkan dan memudahkan pihak berkenaan;
- l) mewujudkan program usahasama antarabangsa dengan pelbagai pihak seperti *Approval Authority (AA)* dan *Technical Services (TS)* di luar negara bagi meningkatkan kerjaya dan kapasiti pegawai JPJ; dan

m) mewartakan peraturan baru bagi mengharmonisasikan ketetapan berkaitan dengan pembinaan dan penggunaan kenderaan yang membawa barang berbahaya.

iii) Sektor Pengangkutan Udara

- a) memperkuuhkan Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) di dalam *State Safety Program* melalaui *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*; dan
- b) membangunkan Makmal Perakam Penerbangan (*Flight Recorder Laboratory*) bagi memuat turun segala data penerbangan.

Tuan Yang Di Pertua,

Dalam memastikan sektor pengangkutan menjadi lebih efisien, beberapa inisiatif telah dan sedang diambil seperti di bawah:

i) Sektor Pengangkutan Maritim

- a) menyediakan Pelan Induk Perkapalan Malaysia (*Malaysia Shipping Master Plan*);
- b) melaksanakan Kajian Strategi Pelabuhan Negara (*National Port Strategy*) bersama Bank Dunia (World Bank) bertujuan membangunkan pelan strategi pelabuhan yang holistik;
- c) menyediakan garis panduan (SOP) bersama pelbagai jabatan bagi mewujudkan satu proses *clearance* penumpang cruise yang efisien; dan

- d) menaiktaraf Jeti dan Bangunan Terminal Penumpang di Kuah, Langkawi melibatkan pembinaan Bangunan CIQ dan Jeti Baru di kawasan berkenaan.
- ii) Sektor Pengangkutan Udara
- a) menaiktaraf lapangan terbang di Sandakan, Ipoh, Kuantan, Miri dan Sibu;
  - b) menubuhkan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission* – MAVCOM) bertujuan mengawal selia perkara ekonomi dan komersial berhubungan dengan industri penerbangan; dan
  - c) memenangi kerusi Ahli Majlis di dalam *International Civil Aviation Organization* (ICAO) yang secara langsung dapat meningkatkan kecekapan industri penerbangan Negara.